

DASAR KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN NEGARA (DKPN) 2021-2030



DASAR KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN NEGARA (DKPN) 2021 - 2030



Perutusan

YANG AMAT BERTHORMAT PERDANA MENTERI MALAYSIA



Kesejahteraan Keluarga Malaysia terutamanya melibatkan aspek keselamatan awam menjadi agenda utama yang diberi perhatian oleh kerajaan. Oleh itu, satu dasar perlu diperkenalkan dalam usaha memastikan kesejahteraan dan keselamatan Keluarga Malaysia terjamin apabila berlaku kejadian seperti kebakaran, kemalangan industri, bencana alam serta penularan pandemik.

Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini meliputi teras, strategi dan pelaksanaan program yang bersepadu dan holistik dalam membangunkan kefahaman, kesedaran serta pembudayaan amalan keselamatan awam yang baik. Menerusi dasar ini, saya yakin negara kita dapat melahirkan Keluarga Malaysia yang berdaya tahan (*resilience community*) serta mampu mengadaptasi konsep *citizen life saver* dalam kehidupan seharian terutama ketika berdepan sebarang situasi kecemasan.

Selain itu, komitmen pelbagai pihak dalam menjalin hubungan kerjasama strategik yang inklusif dalam industri keselamatan kebakaran dan kebombaan juga adalah penting. Ini adalah kerana ia mampu



membuka dimensi baharu kepada pertumbuhan dan daya saing ekonomi negara. Pemantapan terhadap aspek perlindungan kebakaran melalui penggunaan teknologi terkini seperti automasi dan robotik mampu meningkatkan lagi keyakinan bukan sahaja masyarakat, malah golongan industri serta pelabur.

Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada KPKT menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam merangka serta merealisasi dasar ini. Semoga dengan terlaksananya pelan tindakan dan inisiatif di bawah Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara ini nanti, seluruh Keluarga Malaysia akan dapat menghayati dan memahami peranan serta fungsi kebombaan itu sendiri sekali gus memberi kesedaran betapa pentingnya tanggungjawab kita bersama (*shared responsibility*) dalam menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

Semoga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan melakar kejayaan dengan lebih cemerlang menerusi Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara ini.

Akhir kata, saya berharap supaya matlamat Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara dapat dicapai pada tahun 2030 dan saya berdoa agar Keluarga Malaysia selamat, sejahtera dan dilindungi oleh Allah serta dijauhkan daripada sebarang marabahaya.

Terima kasih.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI

Perutusan

YANG BERTHORMAT MENTERI
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Pengubalan **Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN)** merupakan langkah yang sangat strategik dan bertepatan dengan masa. Dasar ini akan menjadi dokumen rujukan penting, bukan sahaja kepada usaha memperkasa kemampuan sumber manusia Jabatan; malahan merakyatkan perkhidmatan bomba.

Adalah menjadi hasrat utama kerajaan untuk mewujudkan ***citizen life saver*** serta rakyat yang sentiasa responsif terhadap aspek keselamatan dengan membudayakan amalan keselamatan sendiri yang tinggi menjelang tahun 2030. Matlamat penting untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat – mesti menggunakan pendekatan seluruh negara dan masyarakat (*whole of nation and society approach*).

DKPN secara ringkasnya akan memberikan tumpuan kepada **empat (4) teras utama iaitu mewujudkan persekitaran yang selamat, amalan dan pembudayaan keselamatan, kerjasama strategik yang inklusif dan pemantapan kapasiti dan keupayaan.**

Melalui DKPN, komuniti di setiap peringkat akan dididik dengan ilmu keselamatan dan kebombaan bagi membolehkan mereka



mengurus serta menangani sebarang bentuk kecemasan yang berlaku di persekitaran dengan lebih berkesan.

Hasrat murni ini akan direalisasikan melalui program seperti Bomba Bersama Masyarakat, Penubuhan *Emergency Response Team*, SURI, KuKenal dan 1RAPI. Dua elemen penting iaitu Pasukan Bomba Sukarela dan Pasukan Bomba Komuniti akan turut diberikan pengukuhan dan pemerkasaan yang bersesuaian.

Hari ini, teknologi merupakan elemen penting kepada operasi kebombaan. KPKT melalui JBPM juga akan terus menggiatkan penyelidikan kebombaan agar aspek keselamatan komuniti dan masyarakat keseluruhannya berada di tahap terbaik serta menepati keperluan semasa negara. Negara kita perlu mempunyai kapasiti dan keupayaan kebombaan yang setara dengan negara maju. Mengoptimum penggunaan Internet Pelbagai Benda (*Internet-of-Things*), pengkomputeran mudah alih (*mobile computing*) dan memperteguh wibawa kejuruteraan kebombaan mesti dijadikan prioriti dan keutamaan.

Semoga pelaksanaan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara ini juga akan menjadi pendukung kuat kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang mampan pada masa hadapan.

Terima kasih.

YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Perutusan

YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Pembangunan prasarana fizikal negara yang semakin pesat telah meningkatkan kemudahterancaman (*vulnerability*) rakyat kepada pelbagai risiko bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, ribut, tsunami dan lain-lain. Risiko bencana alam ini perlu ditadbir urus secara holistik agar matlamat mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera untuk rakyat dapat direalisasikan dengan berkesan. Hal ini sekaligus menjadikan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) *inevitable* dalam melindungi nyawa dan harta benda.

JBPM perlu sentiasa cekap dan efisien dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Selain daripada mahir dalam operasi pemadaman kebakaran, JBPM juga mampu mendepani pelbagai situasi kecemasan dan penyelamatan seperti kawalan penyakit berjangkit, penyelamatan di dalam terowong, penyelamatan di kawasan pergunungan dan penyelamatan akibat insiden keganasan (*terrorism*).

Pada masa kini, saya amat berbangga dengan usaha gigih JBPM untuk sentiasa memantapkan perkhidmatan kepada rakyat. Tahun demi tahun, JBPM telah berjaya membuktikan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan melalui peningkatan



peratusan pencapaian *response time* atau masa bertindak di bawah 10 minit ke tempat kejadian berlakunya kecemasan.

Kementerian sentiasa optimis dengan peranan penting yang dimainkan oleh JBPM dalam meletakkan Jabatan ini setaraf dengan agensi-agensi keselamatan yang lain, bukan hanya di dalam negara malah setanding dengan perkhidmatan di peringkat antarabangsa.

Semoga Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara ini dapat dilaksana dengan jayanya melalui penglibatan semua pihak berkepentingan dalam industri keselamatan kebakaran dan penyelamatan negara.

Terima kasih.

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTTALIB

Perutusan

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Pemeriksaan bidang kebombaan dan penyelamatan melalui Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara merupakan satu komitmen kerajaan dalam menangani isu-isu pengurusan kecemasan dan keselamatan yang semakin kompleks dan mencabar.

Dalam hal ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempunyai peranan yang sangat penting untuk menyediakan perkhidmatan kebombaan yang berkualiti kepada rakyat, selain memastikan organisasi terus kekal signifikan serta relevan dengan keperluan semasa.

Melihat kepada perkembangan teknologi, budaya serta peningkatan taraf hidup hari ini, rakyat mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap tahap penyampaian perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan kebombaan. Sebagai agensi perkhidmatan kecemasan, JBPM perlu mengekalkan penyampaian yang *responsif*, *versatile*, cekap dan cepat untuk kesejahteraan awam.

Sehubungan dengan itu, KPKT mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa strategi dan pelan tindakan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektif



yang digariskan dalam usaha memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara melalui pembudayaan keselamatan.

Semoga menerusi dasar ini, JBPM dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kebombaan ke satu tanda aras baharu demi mencapai tahap perkhidmatan awam yang unggul.

Terima kasih.

YBHG. DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB

Perutusan

KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Dasar Kebommbaan dan Penyelamatan Negara digubal bagi tujuan memelihara keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Dasar ini memfokuskan kepada pemerkasaan keselamatan kebakaran dan kebommbaan yang efektif serta komprehensif bagi melindungi nyawa, harta benda dan persekitaran.

Matlamat dasar ini adalah untuk memastikan setiap rakyat berada dalam persekitaran yang selamat dan sejahtera. Adalah menjadi hasrat utama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk memastikan dasar ini dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Bagi tujuan menyebarkan luas maklumat berkaitan dasar dan mendapatkan sokongan serta penglibatan dari semua pihak, JBPM telah merancang pelbagai program serta inisiatif untuk dilaksanakan di seluruh Negara.

Strategi dan pelan tindakan yang dirangka di bawah dasar ini juga akan diberi tumpuan penuh oleh JBPM dalam memastikan ianya berkesan, berterusan dan sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Terima kasih.

**DATO' SRI TS. MOHAMMAD HAMDAN BIN
HJ WAHID**

KANDUNGAN

Isu dan Cabaran	2
Matlamat dan Objektif	4
Teras	6
Strategi Teras 1	7
Strategi Teras 2	12
Strategi Teras 3	17
Strategi Teras 4	22
Sasaran DKPN 2030	26



ISU DAN CABARAN

01

Kadar kejadian kebakaran, kematian dan kemusnahan nilai harta benda per kapita masih tinggi.

02

Keupayaan dalam pengurusan kecemasan dan bencana secara sistematik perlu dipertingkatkan.

03

Tahap perlindungan keselamatan kebakaran dan pengurusan kecemasan memerlukan pendekatan yang lebih holistik.

04

Kesiapsiagaan dan kecekapan perkhidmatan kebombaam perlu dibangunkan sejajar indeks risiko.

05

Infrastruktur dan teknologi pengurusan kecemasan perlu dibangunkan sejajar kemajuan revolusi industri dan fizikal.



06

Kurang kesedaran umum berkaitan aspek keselamatan dalam kalangan rakyat.

07

Keterlibatan komuniti yang rendah dalam aspek memperkasakan budaya keselamatan.

08

Kepatuhan peraturan keselamatan di kalangan pemain industri masih belum mencapai tahap yang ditetapkan.

09

Kebertanggungjawaban bersama di kalangan komuniti dalam pencegahan dan kawalan kecemasan kebakaran masih lemah.



Program Lawatan Sambil Belajar
Ke Balai Bomba dan Penyelamat (BBP)

MATLAMAT DASAR

Untuk memastikan rakyat selamat dan sejahtera.



OBJEKTIF

1

Mewujudkan persekitaran yang lebih selamat.

2

Membudayakan amalan keselamatan yang tinggi di kalangan masyarakat.

3

Memperkasakan penglibatan dan kerjasama strategik yang inklusif.

4

Mempertingkatkan keselamatan kebakaran dan kebombaan yang efektif, komprehensif dan lestari.



4 TERAS



47 STRATEGI

TERAS 1 : PERSEKITARAN YANG SELAMAT

Selaras dengan matlamat mewujudkan persekitaran yang selamat dari risiko kebakaran, strategi-strategi yang tuntas perlu dirangka, dilaksanakan dan ditadbir urus dengan berkesan. Ia merangkumi penambahbaikan berterusan ke atas perundangan, prosedur yang dinamik, pengutkuasaan yang berintegriti dan pengukuhan kepada elemen self-regulatory. Elemen pencegahan melalui kawal selia bersepadu ke atas kualiti bahan binaan dan mutu kerja kontraktor pemasangan keselamatan kebakaran juga akan mengurangkan jumlah kerugian serta meningkatkan kebarangkalian penyelamatan diri oleh penghuni jika berlaku kebakaran. Manakala mekanisme tindakan awal oleh penghuni, perkongsian maklumat risiko dan amaran awal kejadian juga menjadi elemen kritikal dalam penyelamatan diri yang perlu dititikberatkan.

Bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Kebommbaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) yang efektif, tiga belas (13) strategi di bawah Teras 1 telah dirancang seperti berikut:



TERAS 1 : PERSEKITARAN YANG SELAMAT

STRATEGI 1.1

Menambahbaik undang-undang dan menyediakan garis panduan yang jelas serta mudah dipatuhi oleh orang awam dan pihak industri.

STRATEGI 1.2

Meningkatkan mekanisma penguatkuasaan dan keberkesanan tadbir urus pihak berkuasa.

STRATEGI 1.3

Menguatkuasakan penubuhan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK), *Emergency Response Plan* (ERP), *Emergency Response Team* (ERT) dan kerjasama pengurusan kecemasan (*Mutual-Aid*) di premis berisiko tinggi.



Program OKK, ERP dan ERT di Premis Berisiko Tinggi

TERAS 1 : PERSEKITARAN YANG SELAMAT

STRATEGI 1.4

Menguatkuasakan peraturan keselamatan kebakaran bagi kenderaan dan vessel komersil.

STRATEGI 1.5

Mewujudkan program bagi mempertingkatkan pematuhan sendiri (*self-regulatory*) kepada pengurusan premis yang ditetapkan.

STRATEGI 1.6

Mewujud dan memperkasakan *Community Emergency Response Team* (CERT) di kawasan perumahan, premis awam dan swasta.



Program Community Emergency Response Team (CERT)

TERAS 1 : PERSEKITARAN YANG SELAMAT

STRATEGI 1.7

Memperkasakan komuniti sebagai *risk assessor* dan *citizen life-saver*.

STRATEGI 1.8

Menyediakan mekanisme pemantauan dan kelengkapan bantu mula kecemasan di premis dan kawasan awam.

STRATEGI 1.9

Memperluaskan sistem penyebaran dan hebahan kawasan dan jenis risiko serta isyarat-isyarat kecemasan melalui media komunikasi awam.



TERAS 1 : PERSEKITARAN YANG SELAMAT

STRATEGI 1.10

Menyediakan maklumat-maklumat keselamatan di lokasi berisiko tinggi.

STRATEGI 1.11

Menyediakan sistem penyaluran aduan dan khidmat nasihat berkaitan keselamatan yang mudah serta cepat.

STRATEGI 1.12

Mewujudkan sistem pentauliahan dan pendaftaran bagi pengeluar dan kontraktor pemasangan keselamatan kebakaran.

STRATEGI 1.13

Meningkatkan kawalan ujian dan kelulusan pengeluaran bahan ketahanan api serta kelengkapan pemadaman untuk perlindungan keselamatan bangunan.



Program Keselamatan Aktiviti di Air (PKAA)

TERAS 2 : AMALAN DAN PEMBUDAYAAN KESELAMATAN

Tanggungjawab memelihara keselamatan tidak hanya digalas oleh sesuatu pihak semata-mata. Semangat, falsafah dan kepentingan budaya keselamatan hendaklah diselami, dirasai, dikongsi dan dimiliki bersama oleh setiap entiti masyarakat. Kejayaan pemupukan budaya ditentukan dengan adanya strategi-strategi yang menyeluruh dan disokong oleh amalan serta penguatkuasaan sendiri. Amalan dan pembudayaan keselamatan yang efektif berupaya mengurangkan kadar kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda.

Bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) yang efektif, sebelas (11) strategi di bawah Teras 2 telah dirancang seperti berikut:



Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI)

TERAS 2 : AMALAN DAN PEMBUDAYAAN KESELAMATAN

STRATEGI 2.1

Membangunkan modul pembelajaran dan aktiviti ko-kurikulum keselamatan kebakaran di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

STRATEGI 2.2

Meningkatkan kerjasama dengan badan korporat, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi program keselamatan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

STRATEGI 2.3

Memperkasakan program kesedaran keselamatan aktiviti air di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan komuniti.



Kempen Kesedaran Keselamatan
dan Pencegahan Kebakaran Peringkat Sekolah

TERAS 2 : AMALAN DAN PEMBUDAYAAN KESELAMATAN

STRATEGI 2.4

Meningkatkan amalan pencegahan keselamatan kebakaran sendiri dalam kalangan penghuni/pemilik premis.

STRATEGI 2.5

Mempertingkatkan program kempen pencegahan dan keselamatan kepada komuniti perumahan, institusi pendidikan, premis awam dan swasta.

STRATEGI 2.6

Mengadakan Hari Pencegahan Kebakaran (*Fire Prevention Day*).



TERAS 2 : AMALAN DAN PEMBUDAYAAN KESELAMATAN

STRATEGI 2.7

Meningkatkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela kepada 500 pasukan dalam tahun 2030.

STRATEGI 2.8

Meningkatkan program bomba bersama masyarakat (SURI, 1RAPI, KuKenal, Bomba Komuniti, *Community Fire Drill*).

STRATEGI 2.9

Memperluas program latihan intensif kepada sektor industri keselamatan kebakaran, institusi pendidikan dan agensi kerajaan serta swasta.



Pasukan Bomba Sukarela (PBS)

TERAS 2 : AMALAN DAN PEMBUDAYAAN KESELAMATAN

STRATEGI 2.10

Mewujudkan anugerah bangunan dan tempat kerja selamat atau *Zero Incident Challenge*.

STRATEGI 2.11

Menyediakan kemudahan simulasi pembelajaran masyarakat dan kesedaran awam termasuk penggunaan aplikasi *virtual reality* (VR), *argumented reality* (AR) dan interaktif.



Pusat Simulasi Pembelajaran Awam JBPM

TERAS 3 : KERJASAMA STRATEGIK YANG INKLUSIF

Penglibatan pihak berkepentingan di setiap peringkat adalah penting bagi meningkatkan tahap kesedaran dan amalan pencegahan kebakaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Penglibatan pemegang taruh secara inklusif akan menentukan sejauh mana strategi dasar berjaya menggerakkan transformasi dan menentukan tingkat pencapaian objektif. Agenda transformasi melalui proses advokasi dan libat urus dalam setiap proses kerja secara bersepadu dan saling memahami akan memastikan strategi-strategi dasar dapat dijayakan. Ia diperkukuhkan lagi dengan dapatan daripada penyelidikan yang dikongsi bersama di mana ia sentiasa memberi idea-idea baharu yang segar dan berstrategik yang akan menjadikan industri terus relevan, berdaya saing, mampan dan diterima di peringkat global.

Bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) yang efektif, tiga belas (13) strategi di bawah Teras 3 telah dirancang seperti berikut:



Penerbangan Pemindahan Perubatan (Medevac)

TERAS 3 : KERJASAMA STRATEGIK YANG INKLUSIF

STRATEGI 3.1

Memperkasakan kerjasama strategik dengan agensi dan badan utama pengurusan bencana dan kecemasan negara.

STRATEGI 3.2

Mewujudkan *Fire Industry Council*.

STRATEGI 3.3

Mengadakan dialog profesional dan teknikal bersama agensi awam, swasta, badan profesional, NGO dan pemain industri.



Operasi Mencari dan Menyelamat Inter Agensi

TERAS 3 : KERJASAMA STRATEGIK YANG INKLUSIF

STRATEGI 3.4

Meningkatkan kolaborasi dalam aspek penyelidikan, pertukaran kepakaran dan pemindahan teknologi dengan institusi pendidikan, agensi awam, swasta dan industri.

STRATEGI 3.5

Mempertingkatkan kerjasama dengan badan dan persatuan industri bagi memudahkan cara pengurusan kelulusan bangunan.

STRATEGI 3.6

Mewujudkan kerjasama dalam pencegahan dan kawalan kecemasan dan kebakaran di premis dan instalasi berisiko tinggi seperti di industri gas dan petroleum, bangunan tinggi dan kilang bahan kimia merbahaya.



Latihan Pengurusan Bencana Bersama Pihak Industri

TERAS 3 : KERJASAMA STRATEGIK YANG INKLUSIF

STRATEGI 3.7

Menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi pengajian dalam bidang pendidikan kejuruteraan kebombaan.

STRATEGI 3.8

Mewujudkan kerjasama dengan badan profesional bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan keperluan peruntukan undang-undang keselamatan.

STRATEGI 3.9

Memperluas dan memperkukuhkan jaringan antara pengamal industri melalui sistem pendaftaran, pengkalan data dan *directory*.



Sesi Libat Urus Bersama Pihak Profesional dan Industri



TERAS 3 : KERJASAMA STRATEGIK YANG INKLUSIF

STRATEGI 3.10

Mewujudkan kerjasama dengan pihak pengurusan atau penyedia pusat jagaan golongan khas termasuklah bagi orang kelainan upaya (OKU), warga emas dan sebagainya.

STRATEGI 3.11

Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta yang menguruskan premis atau aset yang berisiko tinggi.

STRATEGI 3.12

Mewujudkan kerjasama dengan badan dan persatuan penduduk dalam mencegah dan mengawal kebakaran.

STRATEGI 3.13

Mewujudkan program kerjasama dengan pemain dan pertubuhan industri bagi menggiatkan pembangunan dan pengeluaran produk kebombaan.



TERAS 4 : PEMANTAPAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN

Pembangunan kapasiti dan keupayaan industri keselamatan kebakaran dan kebombaan amat diperlukan. Ia memberi penekanan kepada tiga faktor utama, iaitu kemampuan infrastruktur atau sumber logistik, pembangunan modal insan dan kaedah mendayakan komuniti. Revolusi Industri 4.0 membuka peluang kepada setiap industri untuk memajukan infrastruktur dan sumber logistiknya melalui penggunaan teknologi secara maksima dan ekonomikal. Inisiatif membangunkan modal insan dalam bidang keselamatan kebakaran bagi sektor tertentu yang telah dikenalpasti akan meningkatkan lagi tahap kesiediaan untuk mengoptimumkan langkah pencegahan dan gerakan tindakan awal pengurusan premis.

Bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) yang efektif, sepuluh (10) strategi di bawah Teras 4 telah dirancang seperti berikut:



Pasukan Khas Rapid Intervention Motorcycle (RIM)

TERAS 4 : PEMANTAPAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN

STRATEGI 4.1

Mempertingkatkan pembangunan pusat pengoperasian kebombaan dan perlindungan keselamatan kebakaran yang komprehensif.

STRATEGI 4.2

Memperluaskan jalinan komunikasi dan Sistem Perintah dan Kawalan (C4I) yang bersepadu antara agensi kebombaan dan kecemasan.

STRATEGI 4.3

Membangunkan Asset / Inventory Management & Maintenance System yang lestari untuk agensi kebombaan.



Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)

TERAS 4 : PEMANTAPAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN

STRATEGI 4.4

Memperluaskan aplikasi sistem teknologi maklumat dan kelengkapan kebombaan yang strategik serta berteknologi tinggi seperti dron, robot dan *auto system* berasaskan *Artificial Intelligence* (AI) dan *Internet of Things* (IoT).

STRATEGI 4.5

Mewujudkan pembangunan *Metropolitan Fire Brigade* di bandaraya-bandaraya utama dalam negara.

STRATEGI 4.6

Memperkemaskan koordinasi "*Inter-agency Emergency Support System*" antara organisasi-organisasi kecemasan.



Latihan Pemadaman Kebakaran Bersama Organisasi Bomba Persendirian (OBP)

TERAS 4 : PEMANTAPAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN

STRATEGI 4.7

Membangunkan kemahiran modal insan dalam keselamatan kebakaran dan kebombaan bagi sektor awam dan swasta.

STRATEGI 4.8

Mempertingkatkan kesiapsiagaan dan persediaan di dalam aspek kecemasan di institusi-institusi berisiko seperti di hospital, penjara dan premis penempatan golongan OKU serta warga emas.

STRATEGI 4.9

Memajukan Sistem Data Raya untuk profail bangunan dan kawasan berisiko bagi orang awam/swasta, agensi kecemasan dan institusi pendidikan/pengajian.

STRATEGI 4.10

Menyediakan pelan dan tindakan kontigensi kecemasan bagi insiden melibatkan *mass casualties*.



Pasukan Khas Emergency Medical Rescue Services (EMRS)

SASARAN

Pelaksanaan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) adalah bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2030 dengan semakan semula pada tahun 2025. Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN) ini adalah satu inisiatif kerajaan untuk mencapai sasaran berikut:



RUMUSAN

DKPN merupakan satu langkah proaktif dalam meningkatkan tahap perlindungan dan kesedaran awam terhadap keselamatan kebakaran dan langkah pengurusan kecemasan.

Pelaksanaan DKPN hendaklah terus diperkukuhkan dan perlu relevan dengan keperluan semasa serta perubahan persekitaran. Justeru itu, ianya hendaklah dipantau dan dikaji secara berkala, agar pencapaiannya memenuhi matlamat yang disasarkan.

Kejayaan dasar ini bergantung kepada pelan tindakan, program dan inisiatif yang jelas dan dinamik. Perencanaan dan pengurusannya memerlukan sokongan dan kerjasama bersepadu serta menyeluruh dari semua pihak berkepentingan.



SENARAI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MENGIKUT NEGERI

PERLIS

IBU PEJABAT JBPM NEGERI PERLIS

☎ 04-977 8827

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

ARAU.....	04-9864444
KANGAR.....	04-9760544
KUALA PERLIS.....	04-9855332
PADANG BESAR UTARA.....	04-9490094
SIMPANG EMPAT.....	04-9805580

PULAU PINANG

IBU PEJABAT JBPM NEGERI PULAU PINANG

☎ 04-504 7222

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

JALAN PERAK.....	04-2825544
BAGAN JERMAL.....	04-8907335
LEBUH PANTAI.....	04-2614444
PAYA TERUBONG.....	04-8270114
BAYAN BARU.....	04-6434444
BALIK PULAU.....	04-8661360
SRI BALIK PULAU.....	04-8661495
TELUK BAHANG.....	04-8814152
PERAI.....	04-3984444
BANDAR PERDA.....	04-5373864
BUKIT MERTA JAM.....	04-5384444
PENANTI.....	04-3866005
BATU KAWAN.....	04-5054331
NIBONG TEBAL.....	04-5931444
SUNGAI BAKAP.....	04-5874797
BUTTERWORTH.....	04-3314444
KEPALA BATAS.....	04-5754444
KUALA MUDA.....	04-5794175
TASIK GELUGOR.....	04-5734717
BERTAM.....	04-5794175

KEDAH

IBU PEJABAT JBPM NEGERI KEDAH

☎ 04-734 4444

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

ALOR SETAR.....	04-7344444
LANGKAWI.....	04-9693004
JITRA.....	04-9171444
JALAN RAJA.....	04-7349307
GUAR CHEMPEDAK.....	04-4686444
SUNGAI PETANI.....	04-4214444
BALING.....	04-4701444
KULIM.....	04-4904444
TIKAM BATU.....	04-4388444
SIK.....	04-4695216
KUALA NERANG.....	04-7867584
BUKIT KAYU HITAM.....	04-9222350
SERDANG.....	04-4077444
KULIM HI-TECH.....	04-4034444
PERSIARAN PUTRA.....	04-9664444
YAN.....	04-4656444
AMANJAYA.....	04-4411444
PENDANG.....	04-7590164
POKOK SENA.....	04-7824444

LABUAN

IBU PEJABAT JBPM LABUAN

☎ 087-592 999

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

LABUAN.....	087-592952
KG JAWA.....	087-414444
LAYANGAN.....	087-464444
RANCHA-RANCHA.....	087-506777

*senarai ini dikemaskini sehingga 15 Ogos 2021

PERAK

IBU PEJABAT JBPM NEGERI PERAK

☎ 05-529 7444

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

IPOH.....	05-5474444
MERU RAYA.....	05-5264444
PASIR PUTIH.....	05-3229549
SIMPANG PULAI.....	05-3574444
GOPENG.....	05-3594444
BATU GAJAH.....	05-3664444
KAMPAR.....	05-4664444
KUALA KANGSAR.....	05-7764444
SUNGAI SIPUT.....	05-5982444
TAIPING.....	05-8084444
KAMUNTING.....	05-8912322
SELAMA.....	05-8394444
PARIT BUNTAR.....	05-7164444
BAGAN SERAI.....	05-7215444
KUALA KURAU.....	05-7277444
LENGGONG.....	05-7677444
GERIK.....	05-7911444
BATU KURAU.....	05-8881844
PENKALAN HULU.....	04-4778344
SERI MANJUNG.....	05-6884444
SITIAWAN.....	05-6914444
PULAU PANGKOR.....	05-6851144
PANTAI REMIS.....	05-6771444
AIR TAWAR.....	05-6727444
SERI ISKANDAR.....	05-3712024
PARIT.....	05-3771444
TAPAH.....	05-4011444
TELUK INTAN.....	05-6221444
BIDOR.....	05-4340444
SLIM RIVER.....	05-4528444
TANJUNG MALIM.....	05-4596444
HUTAN MELINTANG.....	05-6414444
KAMPUNG GAJAH.....	05-6311322

NEGERI SEMBILAN

IBU PEJABAT JBPM NEGERI SEMBILAN

☎ 06-601 1900

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

SEREMBAN.....	06-7677089
BAHAU.....	06-4541333
JELEBU.....	06-6136333
PORT DICKSON.....	06-6471444
REMBAU.....	06-6855444
KUALA PILAH.....	06-4811333
TAMPIN.....	06-4412336
GEMAS.....	07-9485307
MANTIN.....	06-7583198
SENAWANG.....	06-6779202
SERI JEMPOL.....	06-4581484
TELOK KEMANG.....	06-6621172
SEREMBAN 2.....	06-6013393
SIMPANG PERTANG.....	06-4920060
NILAI.....	06-7940051
SERI MENANTI.....	06-4979921
GEMENCHEH.....	06-4310961
RANTAU.....	06-6940146/389

MELAKA

IBU PEJABAT JBPM NEGERI MELAKA

☎ 06-251 3100

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

JALAN KUBU.....	06-2838481/82
ALOR GAJAH.....	06-5562444
AYER KEROH.....	06-2319135
BUKIT KATIL.....	06-2315526
MASJID TANAH.....	06-3842444
TANGGA BATU.....	06-3517994
MERLIMAU.....	06-2631444
JASIN.....	06-5291444
JASIN BESTARI.....	06-5293736
PADANG TEMU.....	06-2683101

*senarai ini dikemaskini sehingga 15 Ogos 2021

SELANGOR

IBU PEJABAT JBPM NEGERI SELANGOR

☎ 03-7846 4444

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

SABAK BERNAM.....	03-32191444
KUALA KUBU BHARU.....	03-60641444
TANJUNG KARANG.....	03-32698444
BESTARI JAYA.....	03-32719444
KUALA SELANGOR.....	03-32891444
BATU ARANG.....	03-60352444
RAWANG.....	03-60924444
AMPANG.....	03-42924444
PENCHALA.....	019-2338986
SHAH ALAM.....	03-55194444/03-55109312
KOTA RAJA.....	03-33714444
PELABUHAN KLANG.....	03-31684444
KAJANG.....	03-87361344
BANTING.....	03-31871444
SEPANG.....	03-31421333
SG PINANG.....	03-33424444
DAMANSARA.....	03-77294444
BANGI.....	03-89254444
SEKSYEN 7.....	03-79585857
SELAYANG.....	03-61367944
SG BULOH.....	03-61575055
ANDALAS.....	03-33734444
KLIA.....	03-87874970
PANDAN INDAH.....	03-92746250
SERDANG.....	03-89417635
SUBANG.....	03-56348444
KOTA ANGGERIK.....	03-78464211
SEKINCHAN.....	03-32418075
CYBERJAYA.....	03-83184142
SG BESAR.....	03-32246434
PUCHONG.....	03-80707879
SEMENYIH.....	03-87238259
KAPAR.....	03-33920984
TELUK PANGLIMA GARANG.....	03-31914440
TUN HUSSEIN ONN.....	011-62201256
BUKIT SENTOSA.....	03-60214144

KUALA LUMPUR

IBU PEJABAT JBPM KUALA LUMPUR

☎ 03-2148 4444

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

JINJANG.....	03-62574444
SETAPAK.....	03-40235544
SENTUL.....	03-40441994
PUDU.....	03-92220340
HANG TUAH.....	03-92217222
BANDAR TUN RAZAK.....	03-91312440
SUNGAI BESI.....	03-90584444
PANTAI.....	03-22824444
TAMAN TUN DR ISMAIL.....	03-77284444
TITIWANGSA.....	03-26913703
GOMBAK SELATAN.....	03-61864189
CHERAS.....	03-91329490
SEPUTEH.....	03-79848753
SRI HARTAMAS.....	03-62032559
WANGSA MAJU.....	03-41089851
BUKIT JALIL.....	03-89966791
KERAMAT.....	03-42514863
JALAN TUN RAZAK.....	03-21810216
SRI PETALING.....	03-90541687/ 0405

PUTRAJAYA

IBU PEJABAT JBPM PUTRAJAYA

☎ 03-8888 0970 / 71

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

PRESINT 7.....	03-88880970/ 71/54
PRESINT 14.....	03-88811944/ 88610344

*senarai ini dikemaskini sehingga 15 Ogos 2021

JOHOR

IBU PEJABAT JBPM NEGERI JOHOR

☎ 07-340 9999

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

JOHOR BAHRU.....	07-2243444/ 2247444
PASIR GUDANG	07-2513444/ 2513944
JOHOR JAYA	07-3513444
SKUDAI (PULAI).....	07-5204144/ 5204244
TEBRAU.....	07-3317523/3317524/3317525
PEKAN NENAS	07-6994444
PONTIAN	07-6864444/ 6874444
PONTIAN BARU	07-6864044/ 6874444
KULAI	07-6634444
BANDAR BARU KULAI (KULAI JAYA)	07-5909711
ISKANDAR PUTERI.....	07-5099550
KOTA TINGGI	07-8831444
BANDAR PENAWAR.....	07-8224444
MERSING	07-7994444
ENDAU	07-7945444
PUNGGAJ	07-8861963/4
SEBANA COVE.....	07-8861641/660
SUNGAI RENGIT.....	07-8246774/3
MUAR	06-9555994/992
BANDAR BARU SEGAMAT (BANDAR PUTRA).....	06-9435844
SEGAMAT (JLN ABDULLAH).....	06-9314444
LABIS.....	06-9254444
BUKIT GAMBIR.....	06-9765144/2144
TANGKAK.....	06-9783444
PAGOH.....	06-9741955/57
KLUANG.....	07-7724444
BATU PAHAT (JLN MOHD KHALID).....	07-4338444
PENGKARAM (TIMAH SARI)	07-4342444
RENGIT.....	07-4243444
RENGGAM.....	07-7535444
YONG PENG.....	07-4674444
AYER HITAM.....	07-7582206
FIRE POST KEMPAS	-

SARAWAK

IBU PEJABAT JBPM NEGERI SARAWAK

☎ 082-365 994

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

BATU LINTANG.....	082-241241
PADUNGAN / KUCHING.....	082-241033
TABUAN JAYA	082-367350
PETRA JAYA.....	082-313557
BAU.....	082-763444
LUNDU.....	082-734021
KOTA SAMARAHAN.....	082-673881
SIBURAN	082-864546
SERIAN.....	082-874190
SIMUNJAN	082-803680
ASAJAYA	082-829003
SRI AMAN.....	083-322228
BETONG	083-471591
SARATOK.....	083-436353
SIBU.....	084-330343
SUNGAI MERAH	084-346332
BINTAGOR	084-693444
SARIKEI	084-654444
KANOWIT	084-752444
MUKAH	084-871444
SONG.....	084-777162
KAPIT.....	084-796444
TANJUNG MANIS.....	084-613089
DARO	084-823300
BINTULU	086-332222
TATAU	086-584208
SAMALAJU.....	086-254991
MIRI.....	085-420991
LOPENG.....	085-420972
MARUDI.....	085-755189
LIMBANG	085-211859
LAWAS	085-284962
BATU NIAH.....	085-737994
SELANGAU	084-891300

*senarai ini dikemaskini sehingga 15 Ogos 2021

PAHANG

IBU PEJABAT JBPM NEGERI PAHANG

☎ 09-570 5999

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

KUANTAN.....	09-5130994/5157014
INDERA MAHKOTA.....	09-5739994/5732925
GEBENG.....	09-5837977
TAMAN TAS.....	09-5393704
PERAMU.....	09-4268804
PEKAN.....	09-4224444
NENASI.....	09-4181920
KUALA ROMPIN.....	09-4146444
MUADZAM SHAH.....	09-4522444
BUKIT ANGIN.....	09-2716999
TEMERLOH.....	09-2961444
MENTAKAB.....	09-2771444
JERANTUT.....	09-2663444
JENGKA.....	09-4662277
MARAN.....	09-4771444
TRIANG.....	09-2554444
BENTONG.....	09-2224444
GENTING HIGHLANDS.....	03-61052994/ 61013739
KARAK.....	09-2311444
KUALA LIPIS.....	09-3554444
RAUB.....	09-3125012/3124444
CAMERON HIGHLANDS.....	05-4911003/ 4912314
RINGLET.....	05-4956944
CHINI.....	09-4561991
SG KOYAN.....	09-3401079
TIOMAN.....	09-4194292

SABAH

IBU PEJABAT JBPM NEGERI SABAH

☎ 088-422 873

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

BEAUFORT.....	087-212025
BELURAN.....	089-5122612
KENINGAU.....	087-331396
KIMANIS.....	088-911480
KINABATANGAN.....	089-562630
KOTA BELUD.....	088-976504
KOTA KINABALU.....	088-210214
KOTA MARUDU.....	088-662889
KUALA PENYU.....	087-884221
KUDAT.....	088-611301
KUNAK.....	089-853444
LAHAD DATU.....	089-884444
LINTAS.....	088-422395
PAPAR.....	088-913521
PENAMPANG.....	088-715446
RANAU.....	088-878779
SANDAKAN.....	089-214444
SEMPORNA.....	089-781699
SIPITANG.....	087-821444
SOOK.....	087-365877
TAMBUNAN.....	087-774850
TAWAU.....	089-774444
TENOM.....	087-735646
TUARAN.....	088-793791
ATAS AIR SEMPORNA.....	088-788787

*senarai ini dikemaskini sehingga 15 Ogos 2021

KELANTAN

IBU PEJABAT JBPM NEGERI KELANTAN

☎ 09-744 4444

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

KOTA BHARU.....	09-7484444
PENGKALAN CHEPA.....	09-7744444
GUA MUSANG.....	09-7950444
KOTA DARUL NAIM.....	09-7475444
KETEREH.....	09-7884403
PASIR TUMBOH.....	09-7643444
TUMPAT.....	09-7257444
PENGKALAN KUBOR.....	09-7214444
PASIR MAS.....	09-7909444
RANTAU PANJANG.....	09-7950444
BACHOK.....	09-7788444
PASIR PUTEH.....	09-7867444
MACHANG.....	09-9752444
TANAH MERAH.....	09-9556444
KUALA KRAI.....	09-9666444
JELI.....	09-9440444
TUNJONG.....	09-7462699
WAKAF BHARU.....	09-7184444
TOK BALI.....	09-7788822
SG DURIAN.....	09-9612344
DABONG.....	09-9604444

TERENGGANU

IBU PEJABAT JBPM NEGERI TERENGGANU

☎ 09-622 4444

BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

KUALA TERENGGANU.....	09-6234444
JALAN KOTA.....	09-6243105
MARANG.....	09-6183444
WAKAF TAPAI.....	09-6803544
KUALA BERANG.....	09-6811444
BESUT.....	09-6956444
JERTEH.....	09-6904444
SETIU.....	09-6097444
KEMAMAN.....	09-8594444
CHUKAI.....	09-8598744
CHENEH.....	09-8730444
KERTEH.....	09-8261444
PAKA.....	09-8274444
DUNGUN.....	09-8484444
ALMUKTAFI BILLAH SHAH.....	09-8221848
KUALA NERUS.....	09-6621388
KIJAL.....	09-8584559

*senarai ini dikemaskini sehingga 15 Ogos 2021

MERS



PERTAHANAN AWAM



BOMBA



POLIS



HOSPITAL



MARITIM MALAYSIA

BOMBA FRONTLINERS RAKYAT



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

BOMBA *FRONTLINERS* RAKYAT